

Analisis Makna Kontekstual Hadis Sahih al-Bukhari Terhadap Peranan Ibu Dalam Pembentukan Akhlak Anak

(*Analysis Contextual Meaning of Hadith Sahih al-Bukhari Regarding the Mother's Role in Developing Children's Morality*)

Mawaddah Abd Manan

Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Norzulaili Mohd Ghazali

Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Zulhilmi Mohd Nor

Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Ibu memiliki peranan yang besar dalam kehidupan anak. Perilaku ibu mempengaruhi pembentukan karakter seorang anak. Bersejalan dengan kedudukan ini, Nabi Muhammad SAW menerusi hadis Baginda telah menjelaskan cara mendidik dan membentuk akhlak anak-anak. Walau bagaimanapun, dalam mengaplikasi sesebuah hadis, ia perlu difahami makna kontekstual hadis tersebut dan ia tidak hanya difahami secara tekstual. Justeru, kajian ini akan menjelaskan makna kontekstual hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak menerusi hadis-hadis terpilih daripada Sahih al-Bukhariy. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti hadis peranan ibu dalam pembentukan akhlak anak dalam Sahih al-Bukhariy dan menganalisis makna kontekstual hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak. Metode kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Kajian ini mengaplikasi Teori Medan Makna untuk mengekstrak hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak daripada Sahih al-Bukhariy. Dalam meneliti makna kontekstual hadis, kajian ini membahagikan kepada dua bahagian analisis iaitu analisis dari sudut bahasa dan analisis dari sudut *istinbat*. Hasil kajian mendapati sebanyak 5 hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak dan 5 peranan ibu yang dapat dikenalpasti menerusi analisis makna kontekstual hadis yang dilakukan. Lima peranan ibu tersebut ialah menahan anak daripada menyeksa binatang untuk dibunuh, menahan anak daripada keluar waktu senja serta melatih anak adab syariah seperti memberi salam, adab makan dan hal yang melibatkan rumah tangga anak. Menerusi pengenalpasti peranan ibu berdasarkan makna kontekstual, kajian ini menguatkan relevansi sesebuah hadis untuk diaplikasi dalam konteks semasa.

Kata kunci: Peranan Ibu, Akhlak Anak, Makna Kontekstual Hadis.

Abstract

Mother plays a significant role in a child's life. A mother's behaviour influences the formation of a child's character. In line with this position, the Prophet Muhammad (SAW), through his hadiths, has explained the ways to educate and shape children's morality. However, in applying a hadith, it is necessary to understand its contextual meaning and not just its textual meaning. Therefore, this study aims to explain the contextual meaning of the hadiths on the mother's role in shaping children's morality through selected hadiths from Sahih al-Bukhariy. The objectives of this study are to identify the hadiths regarding the mother's role in shaping children's morality in Sahih al-Bukhariy and to analyze the contextual meaning of these hadiths. This study employs a qualitative research method using document analysis. It applies the Semantic Fields Theory to extract the hadiths about the mother's role in shaping children's morality from Sahih al-Bukhariy. In examining the contextual meaning of the hadiths, the study divides the analysis into two parts: linguistic analysis and *istinbat* analysis. The results of the study identify 5 hadiths on the mother's role in shaping children's morality and 5 specific roles of the mother based on the contextual meaning of the hadiths. These five roles are preventing children from torturing animals to death, preventing children from going out at dusk, and training children in Islamic etiquette such as giving greetings, table manners, and household-related matters. By identifying the mother's roles based on the contextual meaning, this study reinforces the relevance of applying hadiths in the current context.

Article Progress

Received: 25 January 2024

Revised: 08 February 2024

Accepted: 22 February 2024

Keywords: Mother's Role, Children's Morality, Contextual Meaning of Hadith.

1. PENGENALAN

Peranan ibu dalam kehidupan anak tidak dapat dinafikan lagi kepentingannya. Ini kerana individu yang bergelar ibu adalah sekolah pertama anak-anak. Setiap perilaku dan interaksi yang dikeluarkan oleh ibu sangat mempengaruhi karakter anak-anak. Sebagaimana yang dinyatakan oleh kajian menurut Islam dan teori barat bahawa faktor dalaman anak dan luaran mereka seperti interaksi anak dengan ibu bapanya mempengaruhi perkembangan kognitif mereka (al-Ghazali, 1983; Tekin, 2011). Oleh kerana itu, ibu memerlukan satu panduan yang berautoriti dalam mendidik dan menjalankan peranannya dengan berkesan. Panduan yang akan ditumpukan dalam kajian ini ialah hadis Nabi Muhammad SAW. Ini kerana, Baginda adalah sebaik-baik manusia dan diutuskan untuk menyempurnakan akhlak manusia. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعْثُ لِأَتْمِمِ مَكَارِمِ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: “Aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia” (al-Bukhari, n.d)

Namun begitu, hadis Nabi Muhammad SAW memerlukan penjelasan terperinci bagi membolehkan ia diaplikasi dalam konteks semasa. Penjelasan yang terperinci sebagaimana dimaksudkan tidak hanya pada tekstual hadis sahaja malah ia melangkaui makna kontekstual hadis. Pemahaman dari sudut kontekstual hadis juga penting dalam menolak salah faham terhadap sebuah hadis. Justeru, kajian ini akan menjelaskan peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak berdasarkan makna kontekstual hadis. Kajian ini hanya memfokuskan hadis-hadis yang terdapat dalam kitab Sahih al-Bukhari sahaja dan tidak menjangkaui kitab-kitab hadis yang lain. Justeru, objektif kajian ini ialah mengenalpasti hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak menerusi Sahih al-Bukhari dan menganalisis makna kontekstual hadis-hadis tersebut bagi tujuan mengenalpasti peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah analisis dokumen. Menerusi penggunaan metode tersebut, kajian ini mengenalpasti sebanyak 5 hadis terkait peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak daripada kitab sahih al-Bukhari. Kajian ini juga mengenalpasti sebanyak 5 peranan ibu terhadap pembentukan karakter anak berdasarkan analisis makna kontekstual hadis dari sudut *istinbat*.

1.1 Peranan Ibu Terhadap Pembentukan Akhlak Anak

Sosok seorang individu yang bergelar ibu sangat penting dalam kehidupan anak dan ia memiliki tanggungjawab atau peranan terhadap anaknya, seperti sabda Rasulullah SAW:

وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتٍ زَوْجَهَا وَوْلَدَهُ وَهِيَ مَسْؤُلَةٌ عَنْهُمْ

Maksudnya: “Seseorang wanita pemimpin dalam rumah suaminya dan anak-anaknya dan dia bertanggungjawab atas mereka semua” (Al-Bukhari, n.d)

Dalam menyentuh peranan ibu terhadap anak, beberapa aspek yang perlu diambil perhatian oleh ibu. Menurut pandangan Islam, ibu perlu menerapkan aspek iman, akhlak, jasmani, akal, rohani, psikologi, sosial dan seksual dalam diri anak-anak (Ulwan, 1992; Rushdan, 1994; Meski, 2005). Aspek-aspek ini selari dengan kajian menurut hadis (Nurul, 2021; Yuhadi, 2021). Tanggungjawab atau peranan seorang individu dalam Islam lebih tertumpu kepada pendidikan, bimbingan dan pemeliharaan terhadap orang yang di bawah jagaannya. Hal ini sebagaimana yang telah disebutkan

dalam hadis Nabi Muhammad SAW di atas bahawa seorang ibu yang merupakan wanita bertanggungjawab terhadap anak-anak dan rumah tangga suaminya.

Selain aspek spiritual yang merupakan aspek terpenting bagi seorang ibu dalam membentuk jati diri anaknya, aspek akhlak juga adalah salah satu aspek yang perlu ditekankan oleh ibu sepanjang proses membesar anaknya. Akhlak bermaksud ungkapan bagi keadaan jiwa seseorang yang dibentuk dengan kukuh, mengeluarkan daripadanya perbuatan-perbuatan dengan mudah tanpa perlu berfikir, jika yang dikeluarkan ialah perbuatan baik, ia dinamakan akhlak yang baik dan begitu juga sebaliknya (Al-Kharrāz, 2009). Dalam Dewan Bahasa dan Pustaka ia merujuk kepada budi pekerti, tabiat dan kelakuan (DBP V2.0). Jelaslah di sini, akhlak anak yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah budi pekerti, tabiat dan kelakuan yang keluar hasil daripada keadaan jiwa seseorang yang dibentuk dengan kukuh.

1.2 Memahami Makna Kontekstual Hadis

Makna kontekstual ialah pemahaman sesuatu hadis melalui pengetahuan latar belakang, situasi hadis diucapkan, adat budaya masyarakat ketika hadis diucapkan dan hubungkait dengan situasi semasa dalam mengaplikasi hadis (Muhamad, 2016). Dalam mengetahui perkara-perkara tersebut, penggabungan antara hadis-hadis yang berkaitan perlu dilakukan terlebih dahulu dalam memahami tekstual hadis (Muhamad, 2016). Selain itu, perkara-perkara lain yang perlu diambil perhatian ialah mengetahui asbab wurud, membezakan dan memahami antara geografi, sosial, budaya dan politik ketika hadis disebutkan dengan konteks semasa serta menghubungkan makna hadis dengan posisi Nabi Muhammad SAW ketika hadis diucapkan dan perlu merujuk hadis yang kelihatan bertentangan (Muhammad Irfan, 2020; Dayan, 2021). Menurut Muhamad Rozaimi dan Miftachul, mengetahui asbab wurud dapat mengatasi masalah salah faham terhadap hadis dan mendedahkan kepada masyarakat bagaimana ulama berinteraksi dalam memahami ilmu hadis (Muhamad Rozaimi & Miftachul, 2022). Pada kajian lain, *asbab wurud* merupakan aspek penting dalam meneroka hukum ‘illah dan menetapkan tujuan utama (maqasid) dalam sesebuah hadis (Alamsyah et al, 2020).

Kaedah mengetahui makna kontekstual hadis di atas selari dengan prinsip-prinsip memahami sunnah yang dijelaskan oleh Qardhawi. Prinsip-prinsip tersebut ialah memahami sunnah dalam konteks Quran, menghimpunkan hadis-hadis yang berkaitan dalam satu tajuk, menghimpunkan atau mentarjhikan antara hadis-hadis yang bertentangan, memahami hadis berdasarkan sebab dan tujuannya, membezakan saranan yang berubah dan tujuan yang tetap, membezakan hakikat dan majaz, membezakan ghaib dan syahadah serta menguatkan lafaz-lafaz hadis (Al-Qardhawi, 2002). Bertepatan dengan pendapat Muhamad Hapizi (2020, Jun 21), dalam memahami makna kontekstual hadis, perkaitan atau situasi munculnya hadis perlu dikaji yang kemudian ia perlu difahami bertepatan dengan apa yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW bersama menjaga kaedah bahasa Arab. Tambahnya lagi, dalam memahaminya diperlukan ilmu berkaitan kaedah dan prinsip dalam memahami hadis riwayah serta dirayah, serta tidak terburu-buru mengaplikasi tanpa memahami bahasa Arab dan maqasid hadis (Muhamad Hapizi, 2020, Jun 21). Kesemua perkara yang perlu diteliti dalam memahami kontekstual hadis selari dengan cara memahami sunnah dengan benar.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Nilai fungsi ibu dalam kehidupan anak sangat mempengaruhi pembentukan karakter mereka sama ada baik atau buruk (Jami’un et al., 2017). Hal ini kerana, ibu merupakan pengasuh dan pendidik

utama anak-anak dalam mengetahui sesuatu perkara (Boyd, 1989; Nadzrah, 2020). Hal ini sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Tidak ada seorang anak yang lahir melainkan dilahirkan di dalam keadaan fitrah. Maka kedua orang tuanya yang menjadikannya yahudi, nasrani atau majusi”

(al-Bukhari, n.d)

Jelaslah daripada hadis ini, pembentukan karakter seseorang anak sangat dipengaruhi oleh didikan orang tuanya. Dalam kajian lain juga membuktikan bahawa kualiti pendidikan yang diterima oleh anak-anak dalam sebuah keluarga antara penyumbang kepada krisis moral dikalangan mereka (Cut Irhamna, 2021). Ibn Khaldun berpandangan bahawa anak-anak yang berperilaku kasar, tidak mampu mengawal emosi dan tingkah laku serta tidak jujur adalah disebabkan mereka dididik dengan kekerasan (Nurul Padilah, 2021). Masalah-masalah tersebut menjelaskan cara interaksi dan didikan ibu sangat mempengaruhi tingkah laku anak pada masa hadapan.

Dalam kajian Naimah et al (2016) pula menyatakan, proses pendidikan akhlak yang diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak belum mampu membentuk keperibadian mereka secara keseluruhan. Jelaslah di sini, semua permasalahan yang disebutkan memerlukan kepada jalan penyelesaian dari sumber yang autentik dan ibu salah seorang yang perlu memikul tanggungjawab. Oleh kerana itu, kajian ini akan mengenalpasti sebahagian cara membentuk akhlak anak menerusi hadis Nabi Muhammad SAW yang boleh dijadikan panduan oleh para ibu dalam menjalankan peranan mereka.

3. OBJEKTIF

- i. Mengenalpasti hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak menerusi hadis saih al-Bukhariy
- ii. Menganalisis makna kontekstual hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak menerusi hadis saih al-Bukhariy

4. METODOLOGI


Dalam mencapai dua objektif kajian sebagaimana yang telah disebutkan, kajian ini akan menggunakan metode kualitatif. Kajian ini membahagikan metode kajian kepada dua peringkat bagi mencapai kedua-dua objektif tersebut. Dua peringkat tersebut adalah seperti berikut:

1) Pengumpulan data hadis

Kajian ini menggunakan Teori Medan Makna (Semantic Field Theory) dalam mengenalpasti hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak. Teori ini menekankan hubungan makna antara perkataan. Hubungan yang dimaksudkan ialah seperti sinonim, antonim, meronim dan hiponim. Tujuan teori ini digunakan adalah untuk memastikan pengenalpastian hadis peranan ibu daripada kitab saih al-Bukhariy dikeluarkan secara mudah. Oleh kerana fokus utama kajian ini ialah peranan ibu, kajian ini memilih perkataan *umm* (ibu) sebagai perkataan induk bagi mengenalpasti perkataan-perkataan yang memiliki hubungan dengannya. Hasil pengenalpastian perkataan-perkataan yang memiliki hubungan dengan perkataan *umm*, perkataan-perkataan itu kemudiannya dijadikan sebagai kata kunci dalam mengenalpasti hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak. Perkataan-perkataan tersebut dikembangkan penggunaannya menerusi kata tunggal, gandaan, *jama'*, kata ganti nama, *nakirah* dan *ma'rifah*.

2) Penganalisisan data hadis

Hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak yang diperoleh akan dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen. Kajian ini akan menganalisis makna kontekstual peranan ibu terhadap anak berdasarkan kerangka memahami makna kontekstual yang dibina. Kerangka tersebut dibina berdasarkan penjelasan memahami makna kontekstual hadis di atas. Ia merupakan cara yang komprehensif dalam memahami sesebuah hadis. Berdasarkan penjelasan makna kontekstual hadis di atas juga, kajian ini merangka sebuah kerangka dalam menganalisis makna kontekstual sesebuah hadis. Kerangka memahami makna kontekstual hadis yang diaplikasikan dalam menganalisis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak adalah seperti berikut:



Rajah 1: Kerangka Memahami Makna Kontekstual Hadis

Berdasarkan rajah di atas, analisis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak akan diteliti menerusi analisis dari sudut bahasa. Analisis hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak dari sudut bahasa akan diteliti dari sudut maksud lafaz, morfologi, sintaksis dan balaghah. Dalam memahami lebih lanjut peranan ibu terhadap keperibadian anak, kajian ini akan menganalisis hadis-hadis tersebut dari sudut istinbat yang akan diteliti dari sudut usuliyah dan maqasid sunnah. Dari sudut usuliyah, akan dijelaskan sama ada hadis itu mengandungi bentuk umum, khas, mutlak, muqayyad atau nasikh dan mansukh. Begitu juga, dari sudut maqasid sunnah, hadis itu akan dijelaskan dengan melihat sama ada padanya terdapat perbezaan lafaz pada riwayat lain dengan cara

menghimpunkan hadis. Kemudian, hadis-hadis peranan ibu terhadap keperibadian anak akan diteliti sama ada ia mengandungi hujjah daripada al-Quran, hadis lain, sebab hadis disebutkan atau pandangan ulama (istifadah dari hadis). Kesemua hadis peranan ibu terhadap keperibadian anak akan melalui setiap peringkat analisis yang dijelaskan. Namun, setiap peringkat tersebut tidak menatijahkan peranan ibu terhadap keperibadian anak. Oleh itu, kajian ini hanya akan menjelaskan peringkat analisis yang hanya menatijahkan peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak.

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Hadis peranan ibu terhadap keperibadian anak

Hasil daripada penggunaan teori medan makna dalam mengenalpasti peranan ibu terhadap keperibadian anak, sebanyak 5 hadis dikenalpasti mengandungi peranan ibu terhadap keperibadian anak. Lima hadis tersebut dikenalpasti melalui perkataan *umm* dan perkataan yang memiliki hubungan makna dengan perkataan *umm* (ibu) iaitu *sobiy* dan *ghulam*. Perkataan-perkataan tersebut adalah perkataan induk sendiri (*umm*) dan perkataan antonim (*sobiy* dan *ghulam*) bagi perkataan *umm*. Hadis yang dimaksudkan disenaraikan seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Senarai Hadis Peranan Ibu Terhadap Pembentukan Keperibadian Anak

No.	No. Hadis	Perkataan yang digunakan dalam mengekstrak hadis	Hadis
H1	6247	صبيان	<p>عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ «أَنَّهُ مَرَّ عَلَى صِبَّيَانٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ وَقَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْعُلُ»</p> <p>“Daripada Anas bin Malik RA bahawasanya beliau pernah melalui berhampiran kanak-kanak lalu beliau mengucapkan salam kepada mereka. Beliau berkata: Nabi SAW pernah melakukannya”</p>
H2	3280	صبيانكم	<p>عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِذَا اسْتَجْنَحَ اللَّيْلُ أُوْ كَانَ جُنْحُ اللَّيْلِ فَكُفُوا صِبَّيَانَكُمْ فَإِنَّ الشَّيَاطِينَ تَنْتَشِرُ حِينَئِذٍ...»</p> <p>Nabi SAW bersabda: “Apabila malam telah menjelang” atau “apabila menjelangnya malam, maka tahanlah anak-anak kamu kerana sesungguhnya pada waktu itu syaitan-syaitan berkeliaran. Apabila telah berlalu waktu Isya maka biarkanlah mereka...”</p>
H3	5376	غلام	<p>أَنَّهُ سَمِعَ عُمَرَ بْنَ أَبِي سَلَمَةَ يَقُولُ: «كُنْتُ عَلَامًا فِي حِجْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَتْ يَدِي تَطِيشُ فِي الصَّحْفَةِ، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا عَلَامُ، سَمِعَ اللَّهُ وَكُلُّ بَيْتِنِي، وَكُلُّ مَمَّا يَلِيكَ. فَمَا زَالَتْ تِلْكَ طَعْمَتِي بَعْدُ»</p> <p>Umar bin Abu Salamah berkata: “aku adalah anak kecil dalam asuhan Rasulullah SAW, dan selalunya tanganku meliar di dalam pinggan. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadaiku: “Wahai anak, sebutlah nama Allah dan makanlah dengan tangan kananmu, serta makanlah apa yang ada denganmu (daripada juadah)”. Maka, begitulah cara makanku selepas itu (yang tetap menjadi amalku)”.</p>
H4	5514	غلامكم	<p>عَنْ أَبِي عُمَرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: «أَنَّهُ دَخَلَ عَلَى يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ، وَغَلَامٌ مِنْ بَنِي يَحْيَى رَابِطٌ دَجَاجَةً يَرْمِيهَا، فَمَسَى إِلَيْهَا أَبُو عُمَرَ حَتَّى حَلَّهَا، ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَيْهَا وَبِالْعَلَامِ مَعَهُ فَقَالَ: ازْجُرُوهَا غَلَامُكُمْ عَنْ أَنْ يَصِيرَ هَذَا الطَّيْرُ لِلْقَتْلِ، فَإِلَيْيَ سَمِعَتِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذِي أَنْ تُصِيرَ بَحِيمَةً أَوْ غَيْرَهَا لِلْقَتْلِ»</p>


			<p>“Daripada Ibn Umar RA bahawa beliau telah masuk bertemu Yahya bin Sa’id dan pada waktu itu seorang budak daripada anak-anak (keluarga) Yahya sedang mengikat seekor ayam untuk dia (jadikan sasaran) melontarnya. Maka Ibn Umar telah berjalan kearah ayam tersebut sehingga beliau melepaskannya. Kemudian beliau datang dengan membawa ayam dan budak tersebut, lalu berkata: “Halanglah anak-anak kamu daripada perbuatan mengikat burung ini (ayam) untuk dibunuh kerana sesungguhnya aku mendengar Nabi SAW telah mlarang untuk diikat binatang ternakan atau binatang yang lain untuk dibunuh”.</p>
H5	4750	أمِي	<p>قالَتْ: فَلَمَّا سُرِيَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - سُرِيَ عَنْهُ وَفُورَ يَضْحَكُ، فَكَانَتْ أَوْلُ كَلِمَةٍ تَكَلَّمُ بِهَا: يَا عَائِشَةُ، أَمَّا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فَقَدْ بَرَأَكِ، فَقَالَتْ أُمِيُّ: قُوْمِي إِلَيْهِ، قَالَتْ: فَقُلْتُ: وَاللَّهِ لَا أَقُوْمُ إِلَيْهِ وَلَا أَحْمَدُ إِلَّا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ.....Beliau berkata: “Ketika disingkap daripada Rasulullah, hilanglah hal itu daripadanya dan Baginda tersenyum gembira, maka perkataan pertama yang Baginda ucapkan: (Wahai Aisyah! Ketahuilah sesungguhnya Allah telah membebaskanmu). Ibuku berkata: “Berdirilah kepadanya”. Aisyah berkata: Aku berkata: “Demi Allah! Aku tidak akan berdiri kepadanya dan tidak akan memuji kecuali Allah SWT”.....</p>

Berdasarkan hadis yang disenaraikan dalam jadual di atas, terdapat 3 perkataan yang dapat mengenalpasti 5 hadis peranan ibu dalam pembentukan akhlak anak. Perkataan tersebut ialah *umm*, *sobiy* dan *ghulam*. Daripada 3 perkataan ini, satu perkataan merupakan perkataan induk iaitu perkataan *umm*. Sementara itu, dua perkataan selebihnya adalah perkataan antonim bagi perkataan *umm*. Selain itu, hadis 1, 2, 3 dan 4 tidak menyebut secara langsung sosok ibu yang menggambarkan peranannya terhadap anak. Manakala, dalam hadis ke-5 disebut secara langsung perbualan seorang ibu terhadap anak dan dapat dijelaskan daripada perbualan tersebut peranan ibu terhadap anak.

5.2 Analisis Makna Kontekstual Peranan Ibu Terhadap Pembentukan Akhlak Anak

Setelah melalui proses pengekstrakan hadis berdasarkan Teori Medan Makna, kajian diteruskan dengan menganalisis dapatan hadis bagi mengenalpasti makna kontekstual hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak.

Dalam mengetahui makna kontekstual 5 hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak, kajian ini telah melalui proses analisis dari sudut *lughawi* (bahasa) dan dari sudut *istinbat* (mengeluarkan natijah). Setelah diteliti, dapatan kajian menunjukkan tiada perbahasan dari sudut *lughawi* (bahasa) yang boleh dijadikan *qarinah* (sandaran) kepada makna penetapan kontekstual hadis peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak. Manakala menerusi analisis dari sudut *istinbat* (mengeluarkan natijah), kajian mengenalpasti sebanyak 5 peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak. Peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak dikenalpasti menerusi analisis dari sudut usul fiqh dan maqasid sunnah yang diteliti di bawah analisis *istinbat*. Tiga peranan ibu terhadap pembentukan akhlak dikenalpasti menerusi analisis usul fiqh. Manakala, dua peranan ibu terhadap pembentukan anak ditemui menerusi analisis dari sudut maqasid sunnah. Dapatkan lima peranan ibu tersebut disenaraikan sebagaimana dalam rajah berikut:



Rajah 2: Hasil Analisis Hadis Peranan Ibu Terhadap Pembentukan Akhlak Anak Berdasarkan Analisis dari Sudut Istinbat

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini mengenalpasti terdapat saranan dan perintah dalam membentuk akhlak anak menerusi analisis makna kontekstual kelima-lima hadis tersebut. Saran dan perintah tersebut adalah dalam perkara yang berbeza. Dua saranan agar membentuk akhlak anak dapat dikenalpasti menerusi analisis dari sudut maqasid sunnah bagi hadis pertama dan kelima. Manakala, tiga perintah agar mendidik dan mengawal anak dikenalpasti menerusi analisis dari sudut usul fiqh bagi hadis ke-2, 3 dan 4.

Saranan agar melatih anak memberi salam dan mengajar anak adab dalam hal rumahtangga dijelaskan melalui analisis dari sudut maqasid sunnah bagi hadis pertama dan kelima. Peranan ibu melatih anak memberi salam disingkapkan menerusi analisis dengan cara menghimpunkan riwayat-riwayat bagi hadis yang sama (جَمِيعُ الْأَحَادِيث). Dalam riwayat Muslim dan al-Tirmidzi, dijelaskan dengan terperinci mengenai perbuatan memberi salam kepada anak-anak. Dalam kedua hadis tersebut, disebutkan bahwa Sayyar memberi salam kepada anak-anak karena beliau pernah berjalan dengan Tsabit, dan Tsabit memberi salam kepada anak-anak. Tsabit kemudian menghabarkan bahwa ketika beliau bersama Anas dan melalui kanak-kanak, Anas memberi salam kepada mereka. Anas melaporkan bahwa beliau melakukannya kerana ketika bersama Rasulullah SAW dan melalui anak-anak, Baginda memberi salam kepada mereka. Jelas di sini, para sahabat tidak melepaskan peluang mengikut apa dilakukan oleh Rasulullah SAW (Al-Tirmidzi, 1975; Muslim, 1955). Lafaz salam yang dimaksud dalam hadis ini adalah "Assalamu'alaikum".

Manakala, hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Abu Dawud menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW sering kali memberi salam kepada kanak-kanak (Ibn Majah. N.d; Abu Dawud, 2009). Demikian pula, dalam hadis dari An-Nasā'iyy, disebutkan bahawa Rasulullah SAW secara berulang kali menziarahi sahabat Ansar dan ketika melewati anak-anak mereka, Beliau memberi salam, mengusap kepala mereka, dan mendoakan mereka (An-Nasā'iyy, 2001). Tindakan ini menunjukkan pelbagai cara yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dalam mendidik dan menyantuni anak-anak, yang harus dijadikan panduan oleh para ibu dalam mendidik anak-anak mereka. Hadis ini memberikan panduan dan bimbingan mengenai interaksi dengan kanak-kanak. Ketika seseorang memberi salam kepada anak-anak, mereka akan terbiasa dengan tindakan tersebut (al-Utsaimīn, 2005). Malah, dengan memberi salam akan melahirkan masyarakat yang berkasih sayang dan harmoni (Muhammad, 2019, Januari 25). Oleh karena itu, sebagai sekolah pertama bagi anak-anak, ibu harus menerapkan adab syariah seperti yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW terhadap anak-anak. Hadis ini menyingkapkan peranan ibu dalam mendidik anak-anak, karena

digunakan kata "صبيان" yang merujuk kepada anak-anak, sebuah kelompok yang masih bergantung kepada ibu untuk menjaga mereka. Oleh karena itu, peranan ibu dalam pembentukan akhlak anak menerusi hadis ini ialah mengajarkan kepada mereka adab.

Sementara itu, peranan ibu mengajar anak adab dalam hal rumah tangga dikenalpasti menerusi pandangan ulama (قول العلماء) berdasarkan hadis ke-5. Peranan ibu dapat difahami melalui kata-kata Ummu Rumah kepada Aisyah dalam hadis ke-5 ketika Aisyah ditimpa fitnah. Ummu Rumah berkata kepada Aisyah: "berdirilah kepadanya" (قومى إلية) setelah Aisyah dibebaskan dari fitnah melalui wahyu. Permintaan Ummu Rumah ini adalah agar Aisyah mendekati Rasulullah untuk mencium kepala Baginda, sebagai tanda hormat dan rasa syukur atas khabar baik yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW (Adam, 2014; Sirājuddin, 2008; Qāsim, 1990; al-Būtī, 2005; Shihabuddin, 1905). Dari situ, terlihat bahwa ibu tetap memainkan peranan dalam memberi panduan kepada anak walaupun anak tersebut sudah berumah tangga. Ruslān, 2016). Melaui kisah ini, difahami bahawa ibu juga harus memberikan nasihat bagi menjamin kebahagiaan dalam rumah tangga anak-anak mereka.

Di samping itu, peranan ibu supaya mengawal anak daripada keluar waktu senja ini dapat difahami melalui *dilalah* amar dalam hadis ke-21. Perkara ini diteliti berdasarkan analisis dari sudut usul fiqh. Perintah dalam hadis ke-21 disampaikan melalui perkataan "فَكُفُوا صَبِيَانَكُمْ" yang ditujukan kepada orang ramai. Penggunaan kata "صَبِيَانَكُمْ" menunjukkan makna umum karena kata tersebut dalam bentuk jamak dan berada dalam posisi idhafah (Hamam, 2014). Perintah untuk menahan anak-anak ketika hari hampir malam memiliki makna umum dan ditujukan kepada semua termasuk ibu. Meskipun demikian, ibu memegang peranan utama dalam menjalankan perintah tersebut kerana ibu bertanggungjawab mengurus anak, sebagaimana yang disebutkan oleh hadis "setiap wanita pemimpin kepada rumah suaminya dan anak-anaknya". Al-Qurtubi melihat semua perintah dalam hadis tersebut sebagai bimbingan menuju kebaikan, tetapi sebahagian ulama memahaminya sebagai anjuran, terutama bagi mereka yang melakukannya dengan niat untuk mematuhi perintah (Ibn Hajar, 1959).

Dalam pada itu, larangan agar menahan kanak-kanak daripada keluar waktu senja disebabkan syaitan dan roh-roh jahat berkeliaran pada waktu tersebut untuk melakukan kejahatan, kerosakan dan memudaratkan manusia. Terutamanya terhadap kanak-kanak kerana mereka masih lemah dan dilepaskan mereka apabila waktu tersebut telah berlalu (Qāsim, 1990). Ifwan (2017, Februari 9) melaporkan tanpa sekatan oleh ibu bapa terhadap anaknya pada waktu malam menyebabkan mereka terlibat dalam aktiviti yang berbahaya seperti masalah sosial dan lumba motosikal.

Selain itu, ibu juga berperanan mendidik anak adab makan diterjemahkan menerusi analisis hadis ke-3 dari sudut usul fiqh. Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW memerintahkan kepada Umar bin Abi Salamah untuk memulakan makan dengan menyebut nama Allah SWT, menggunakan tangan kanan, dan mengambil makanan yang terdekat. Nabi Muhammad SAW memberi arahan kepada Umar dengan menggunakan kata kerja dalam bentuk perintah yang ditujukan kepada seorang lelaki. Majoriti ulama memahami kata-kata "سُمِّ اللَّهُ وَكُلْ بِيمِينِكَ وَكُلْ مَا يَلِيكَ" dalam konteks anjuran kepada kanak-kanak tersebut. Perintah dalam hadis ini juga memiliki makna mendidik mereka dengan perbuatan yang tidak wajib (Ahmad, 2020; Muhammad al-Haidān, 2012). Namun, ada sebagian ulama yang menganggap perintah tersebut sebagai wajib atau hampir wajib. Meskipun demikian, perintah dalam hadis ini ditujukan kepada kanak-kanak yang belum mencapai tingkat mutakallif dan oleh karena itu tidak dikenakan hukum (Ahmad, 2020). Oleh itu, anjuran dalam

hadis ini menjadi bukti umum untuk mendorong perbuatan baik dan melarang daripada perbuatan yang buruk (Muhammad al-Haidān, 2012).

Penggunaan tangan kanan memiliki signifikan yang tersendiri iaitu dengan menggunakan tangan kanan, ia dapat menjadikan diri rasional dan juga mengawal diri daripada sifat berlebih-lebihan (Adi Hashman, 2018). Sementara, mengambil makanan yang terdekat dapat mengelakkan sifat rakus dan berpada-pada (Adi Hashman, 2018). Walaupun dalam hadis ke-17 tidak menyebut secara khusus peranan ibu, namun terdapat bukti tersirat tentang peranan ibu terhadap anak. Umar bin Abi Salamah, yang disebut dalam hadis tersebut, merupakan anak tiri Nabi Muhammad SAW dan beliau dijaga oleh Baginda SAW. Ketika Nabi Muhammad SAW menyatakan anjuran tersebut, Baginda bertindak sebagai penjaga atau pengasuh bagi Umar dan ia menyerupai peranan seorang ibu terhadap anak. Oleh itu, ibu seharusnya mencontohi Nabi Muhammad SAW dalam mendidik anak. Sebagaimana digambarkan dalam hadis ini, ibu perlu mendidik mereka dalam hal-hal yang tidak wajib untuk meningkatkan akhlak, seperti menyebut nama Allah SWT saat makan, menggunakan tangan kanan, dan mengambil makanan yang terdekat.

Seterusnya, ibu juga perlu mencegah anak daripada menyeksa binatang dalam membentuk akhlaknya. Peranan ini dapat diungkapkan juga menerusi analisis dari sudut usul fiqh. Peranan yang dimaksudkan ini dijelaskan melalui sebuah perintah yang timbul ketika Ibn Umar melihat seorang budak sedang mengikat ayam untuk dijadikan sasaran melontar. Perintah tersebut disampaikan dalam bentuk *fe 'el amar* dengan penggunaan ḍomīr mukhāṭab yang ditujukan kepada orang ramai. Bentuk perintah dalam hadis ini sama dengan hadis ke-2 yang bersifat umum karena perkataan "عَلَامَكُم" digabungkan dengan *al-idāfah*. Haiwan yang dilarang diikat untuk dibidik dalam hadis ini termasuk jenis burung seperti ayam dan lain-lain, serta haiwan ternak dan selainnya (Badruddin, n.d.). Perintah dan larangan dalam hadis ini menunjukkan, ajaran Islam sangat mementingkan berlaku ihsan terhadap semua makhluk. Menahan anak daripada menyeksa binatang akan melahirkan dalam diri mereka rasa belas kasihan terhadap haiwan. Perintah untuk menghalang anak daripada mengikat binatang untuk dibunuh merupakan perintah yang ditujukan kepada orang ramai, meskipun kejadian yang memicu perintah tersebut bersifat khusus. Walaupun perintah ini ditujukan kepada orang ramai, namun ibu adalah individu yang bertanggungjawab melaksanakan perintah tersebut. Ini karena *ghulām* dalam hadis ini merujuk kepada anak, dan ibu merupakan individu yang dekat dengan anak-anak. Oleh itu, peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak adalah menghalang anak-anak daripada menyeksa binatang.

6. KESIMPULAN

Pemahaman makna kontekstual bagi sesebuah hadis, menatijahkan sesebuah hadis relevan untuk diaplikasikan oleh para ibu dalam mendidik anak mereka pada zaman kini. Berdasarkan penjelasan hadis menerusi makna kontekstual, terdapat beberapa saranan dan perintah yang perlu dilakukan oleh ibu dalam membentuk akhlak anaknya. Saranan dan perintah tersebut dikenalpasti menerusi analisis dari sudut *istinbat* iaitu analisis dari sudut usul fiqh dan maqasid sunnah. Saranan dan perintah yang perlu dilakukan oleh ibu dalam membentuk akhlak anaknya ialah menahan anak daripada menyeksa binatang untuk dibunuh, menahan anak daripada keluar waktu senja serta melatih anak adab syariah seperti memberi salam, adab makan dan hal yang melibatkan rumah tangga anak. Dengan memahami hadis secara kontekstual, pelbagai faedah yang diperoleh berbanding jika memahaminya secara literal. Namun begitu, kajian ini terhad kepada peranan ibu terhadap pembentukan akhlak anak sahaja. Oleh itu, kajian ini mencadangkan kepada kajian yang akan datang agar membincangkan peranan ibu terhadap anak berdasarkan makna kontekstual hadis dari aspek lain selain aspek akhlak. Penjelasan dalam kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji sendiri dan pembaca dalam menambah kefahaman dan kecintaan terhadap hadis Nabi Muhammad SAW.

7. PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/1).

RUJUKAN

- Abu Dawud. (2009). *Sunan Abi Dāwud*. Syu‘aib al-Arnā‘ūt. Dār Ar-Risālah al-‘Ilmiyah.
- Adi Hashman. 2018. *Mengapa Rasulullah Tidak Pernah Sakit*. PTS.
- Ahmad, Ahmad bin Abdullah. (2020). *Al-Dzukhkhru Harīr bi Sharh Mukhtaṣar al-Tahrīr*. Mesir: Maktabah al-‘Umariyah.
- Alamsyah, Mahmudah, S., Huda, S. (2020). “The Contextualization of Hadith in Indonesia: Nusantara Ulema’s Response to Islamists”. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*. Vol. 24. No. 7. pp. 1548-1558
- Al-Bukhāriyy, Abu ‘Abdullah. (N.d). *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriyy*. Mesir: al-Sultaniah, Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amiriyah
- A-Būṭīy, Muhammad Sa‘īd Ramaḍān. (2005). *Fiqh al-Sīrah ma‘a Mūjiz li Tārīkh al-Khilāfah al-Rāshidah*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1983. *Ihya’ ‘Ulumu Addin*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Kharrāz, Khalid bin Jum‘ah. (2009). *Mawsū‘ah al-Akhlāq*. Kuwait: Maktabah Ahli al-Atsar.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2002). *Kaifa Nata‘amul ma‘a Sunnah Nabawiyah*. Kaherah: Darul Shuruq.
- Al-Tirmidzi, Muhammad bin Isa. (1975). *Sunan Al-Tirmidzi*. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Babī al-Halabī.
- Al-‘Utsaimīn, Muhammad bin Ṣālih. (2005). *Sharah Riyād aṣ-Ṣalihīn*. Riyad: Dār al-Waṭan lil Nashr.
- An-Nasā‘iy. (2001). *Sunan al-Kubrā*. Shu‘ayb al-Arnā‘ūt. Beirut: Mu‘asasah al-Risālah.
- Badruddin, Abu Muhamad Mahmud. (n.d). ‘Umdatul Qari’ Sharah Ṣaḥīḥ a-Bukhāriyy. Beirut: Dār al-Fikr.
- Dayan, Fithoroini. (2021). *Kontekstual Analisis Pemikiran Syuhudi Ismail*. n.pl.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. Versi 2.0
- Hamam, Amal Abd Hamid. (2014). *Mabāhit Uṣūliyah fī Dilālah al-Manṭūq wa al-Mafhūm wa al-Amr wa al-Nahy wa al-‘Ām wa al-Khāṣ*. Mesir: Jāmi‘ah al-Azhar
- Ibn Hajar Al-‘Asqalāniy, Ahmad bin Ali. (1959). *Fath al-Bāriy*. Beirut: Dar al-Ma’rifah
- Ibn Majah. (n.d). *Sunan Ibn Majah*. Muhammad Fuad Abdul Baqi. Dār Iḥyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibn Ruslān, Shihabuddin Abu al-Abbas. (2016). *Sharah Sunan Abī Dāwud*. Mesir: Dār al-Baḥts lil Baḥts al-‘Ilmīy.

Ifwan Tun Tuah. 2017, Februari 19. Dakwa Ibu Bapa Biar Anak Keluar Malam, Awal Pagi. *Bh Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/02/250406/dakwa-ibu-bapa-biar-anak-keluar-malam-awal-pagi>

Meski, Sumairah. (2005). *Dawr al-Mar‘ah al-Muslimah fi Taujīh al-Abna‘*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiah.

Muhammad, N. (2016). “Signifikansi Pemahaman Kontekstual pada Era Global (Analisis Hadis Ijtima‘i)”. *Riwayah: Jurnal Studi Hadis*. Vol. 2. No. 2. Pp. 225-240.

Muhammad Irfan (2020). *Pendekatan Sosiologis-Historis dalam Fiqh al-Hadits: Kontribusi Asbab Al-Wurud dalam Pemahaman Hadis secara Kontekstual*. Kreasi Total Media.

Muhammad al-Haidān, Fahd bin Saleh. (2012). *Mawsū‘ah al-Ijmā‘ fi Fiqh al-Islāmīy*. Arab Saudi: Dār al-Faḍīlah lil Nashr.

Muhamad Hapizi Sulaiman. (2020, Jun 21). “Fahami Maksud Sebenar Hadis”. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/06/702485/fahami-maksud-sebenar-hadis>

Muhammad Ibn Adam. (2014). *Al-Bahr al-Muhiṭ al-Thajjaj Fi Sharah Ṣahīh Muslim*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.

Muhammad Mushfique bin Ahmad Ayoub. 2019, Januari 25. Bakhil Memberi Salam. *Irsyad al-Hadith*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/3050-irsyad-al-hadith-siri-ke-337-bakhil-memberi-salam>

Muhamad Rozaimi, R., & Miftachul, H. (2022). “Between Text and Context: Understanding Ḥadīth through Asbab al Wurud”. *Religion*. Vol. 13. No. 2. Pp. 1-19.

Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajaj. (1955). *Ṣahīh Muslim*. Beirut: Dar Ihya‘ al-Turath al-‘Arabi.

Naimah Ghazali, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis (2016). “Metode Pendidikan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Akhlak”. Dlm buku Falsafah dan Pendagogik Pendidikan Islam. Bangi: UKM.

Nurul Padilah. (2021). *Urgensi parenting perspektif hadis*. Pp. 1–20. <https://doi.org/10.31219/osf.io/ndq3c>.

Qāsim, Hamzah Muhammad. (1990). *Manār al-Qāriy Sharah Mukhtaṣar Ṣahīhal-Bukhāriyy*. Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān.

Rushdan, Lubna Husain. (1994). *Dawr al-Um Muslimah fi I‘dad ‘Ulama‘*. Tesis Master. Universiti Yarmouk, Bahagian Usuluddin.

Sirājuddin Abī Hafṣ Umar bin Ali. (2008). *Al-Tawdīḥ li Sharah al-Jāmi‘ al-Ṣahīḥ*. Damsyik: Dār al-Nawādir. Vol. 16.

Shihabuddin, Ahmad bin Muhammad. (1905). *Irshād as-Sariy li Sharah Ṣahīhal-Bukhāriyy*. Mesir: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyah.

Tekin, Ali Kemal. (2011). “Parent Involvement Revisited: Background, Theories, and Models”. *IJAES*. Vol. 11. (1): pp. 1-13

Ulwan, Abdullah Salih. (1992). *Tarbiyah al-Aulād fī Islām*. Dar Salam Liṭaba'ah wa Nashr wa Tauzi'.

Yuhadi, I. (2021). “Parenting Berbasis Hadis Terhadap Karakter Anak Pada Komunitas Kajian Muslimah Di Kaliwates Jember”. *AL-MAJAALIS: Jurnal Dirasat Islamiyah*. Vol. 9. No. 1. pp. 33–52.

Mawaddah Abd Manan (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

E-mail: mawaddahmanan97@gmail.com

Norzulaili Mohd Ghazali

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

E-mail: norzulaili@usim.edu.my

Zulhilmi Mohd Nor

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

E-mail: zulhilmi@usim.edu.my